

POLYLAB CALAMINE LOTION

Calamine (15% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Calamine Lotion
2. Bagaimana Calamine Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Calamine Lotion
4. Cara menggunakan Calamine Lotion
5. Semasa menggunakan Calamine Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Calamine Lotion

Untuk melegakan ketidakselesaan akibat gatal-gatal, gigitan serangga, ruam dan selaran matahari.

Bagaimana Calamine Lotion berfungsi

Mengandungi calamine, yang merupakan losyen astringen untuk membantu meredakan ruam dan kerengsaan kulit.

Sebelum menggunakan Calamine Lotion

Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan terhadap Calamine atau bahan-bahan lain dalam Calamine Lotion.

Sebelum mula menggunakan

Sila minta khidmat nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Calamine Lotion.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Calamine Lotion

Berapa banyak harus digunakan

Goncang botol sebelum guna. Sapukan losyen pada kawasan yang terjejas dua ke tiga kali sehari.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan yang dinyatakan di label dan seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Sapukan sebaik ingat, jika masa sapuan sudah hampir dengan dos sapuan seterusnya, guna seperti biasa. Jangan gunakan dos berlebihan untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan

Rujuk doktor anda untuk tindakan selanjutnya.

Semasa menggunakan Calamine Lotion

Perkara yang perlu dilakukan

Goncang sebelum guna. Rujuk doktor atau ahli farmasi jika tiada perubahan. Doktor dan ahli farmasi akan menilai keperluan sama ada perlu meneruskan sapuan Calamine Lotion atau tidak.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Tidak boleh digunakan pada membran mukus.
- Jangan gunakan Calamine Lotion untuk merawat penyakit selain dari yang dinyatakan kecuali dengan nasihat doktor.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Untuk kegunaan luar sahaja.
- Jika terjadi rengsa atau ruam, hentikan penggunaan serta-merta.

Kesan-kesan sampingan

Reaksi alahan (sangat jarang berlaku).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine Lotion

Penyimpanan

- Simpan di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C.
- Lindungi dari cahaya matahari.

Pelupusan

Calamine Lotion tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi anda untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang betul. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair pekat berwarna merah jambu.

Bahan kandungan aktif:

- Calamine

Bahan kandungan tidak aktif:

- Xanthan Gum
- Sodium Citrate
- Glycerine
- Deionised water
- Liquefied Phenol
- Zinc Oxide

Nombor MAL

MAL07082988XCSZ

Pengilang

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.
No.72, Lengkok Rishah 2,
Taman Rishah,
Kawasan Perindustrian Silibin,
30100 Ipoh, Perak.

Pemegang Pendaftaran Produk

Polylab Biotech Sdn. Bhd.
6A, Jalan Kaskas 3,
Taman Cheras,
56100 Kuala Lumpur,
W. P. Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini

12/04/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)060519/00119